

**GARIS PANDUAN
PROSEDUR TETAP OPERASI (S.O.P) PENGURUSAN BENCANA JEREBU
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Prosedur Tetap Operasi (S.O.P) Pengurusan Bencana Jerebu disediakan sebagai garis panduan kepada staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) ketika masalah jerebu melanda negara amnya dan UMP khususnya.
- 1.2 SOP Pengurusan Bencana Jerebu telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke-94 Bil. 5/2015 pada 25 November 2015.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 SOP Pengurusan Bencana Jerebu dijadikan panduan serta rujukan kepada pengurusan universiti dalam mengambil tindakan sekiranya bencana jerebu berlaku dan membabitkan pencemaran udara di kawasan terletaknya kampus UMP.
- 2.2 SOP Pengurusan Bencana Jerebu ini juga dijadikan panduan umum kepada warga UMP mengenai langkah-langkah yang perlu diambil sama ada diperingkat pelajar, staf, Jawatankuasa Bertindak Bencana Peringkat UMP (JKBB) dan Pengurusan Universiti ketika berlakunya bencana jerebu.

3.0 PETUNJUK TAHAP INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU) DAN KESAN TERHADAP KESIHATAN

IPU	Tahap Pencemaran	Kesan-Kesan Terhadap Kesihatan
0 - 50	Baik	Kualiti udara dianggap memuaskan, dan pencemaran udara menimbulkan sedikit atau tiada risiko
51 -100	Sederhana	Kualiti udara boleh diterima, namun bagi sesetengah pencemar mungkin ada sedikit kebimbangan kesihatan untuk sejumlah kecil orang yang tersangat sensitif kepada pencemaran udara
101-150	Tidak sihat untuk kumpulan sensitif	Ahli kumpulan-kumpulan sensitif mungkin mengalami kesan kesihatan. Orang ramai berkemungkinan besar tidak akan terjejas.
151-200	Tidak sihat	Setiap orang mungkin mula mengalami kesan kesihatan; ahli-ahli kumpulan yang sensitif mungkin mengalami kesan kesihatan yang lebih serius.
201-300	Sangat tidak sihat	Amaran kesihatan keadaan kecemasan. Berkemungkinan besar seluruh penduduk akan terjejas.
300+	Berbahaya	Amaran kesihatan: semua orang boleh mengalami kesan kesihatan yang lebih serius.

4.0 PANDUAN PELAKSANAAN

4.1 Apabila bencana jerebu diwar-warkan oleh pihak berkuasa melalui media massa / media sosial / media cetak, maka seluruh warga UMP iaitu pelajar, staf, JKBB dan Pengurusan Universiti hendaklah sentiasa peka terhadap perkembangan semasa info jerebu dari masa ke semasa.

4.1.1 Tindakan oleh JKBB;

- (i) Wakil JKBB dari Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) UMP akan sentiasa memantau dan menyemak IPU bagi kawasan Kuantan dan Pekan di Stesen Indera Mahkota melalui laman web rasmi Jabatan Alam Sekitar di <http://apims.doe.gov.my/v2/>.
- (ii) Maklumat bacaan IPU bagi kawasan Kuantan dan Pekan dari masa ke semasa dimaklumkan kepada Pengerusi JKBB atau terus kepada Pengurusan Universiti.
- (iii) JKBB akan diaktifkan dengan serta merta dan mengadakan mesyuarat jawatankuasa (tertakluk kepada keperluan) sekiranya bacaan IPU bagi kawasan Kuantan dan Pekan menjangkau bacaan “100”.
- (iv) Hanya pihak JKBB sahaja boleh mengeluarkan pemakluman dan hebahan rasmi yang terkini berkaitan bencana jerebu kepada warga UMP melalui saluran e-community dan talian *hotline* 24 jam (UMP Pekan di talian 09-424 6394/ 6395/ 6396 atau UMP Kampus Gambang di talian 09-549 3333).

4.1.2 Tindakan oleh pelajar dan staf;

- (i) Semua pelajar dan staf hendaklah memastikan tindakan berikut dipatuhi apabila bacaan IPU bagi kawasan Kuantan dan Pekan mencapai bacaan tertentu yang ditetapkan ;
 - a. IPU melebihi “100” :
Pelajar-pelajar dan staf yang mempunyai penyakit alahan, penyakit asma, sakit jantung dan wanita hamil dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat pegawai perubatan dengan segera apabila terdapat simptom-simptom alahan, batuk,

selsema, bersin, kesesakan nafas, sakit mata atau lemah badan. Pada keadaan ini juga dinasihatkan supaya menghadkan aktiviti-aktiviti aktif atau luar bangunan.

b. IPU melebihi “150” :

Semua aktiviti luar bangunan yang melibatkan pelajar perlu diberhentikan dan aktiviti-aktiviti staf yang mempunyai keperluan penting sahaja dibenarkan. Semua aktiviti luar perlu menggunakan alat perlindungan pernafasan yang diluluskan.

c. IPU melebihi “250” (berterusan selama 48 jam) :

Semua aktiviti kuliah dan aktiviti yang melibatkan perkumpulan orang ramai adalah ditangguhkan.

d. IPU melebihi “300” :

Seluruh operasi di kampus ditutup kecuali kepada staf keselamatan dan kesihatan sahaja.

4.1.3 Tindakan oleh Pengurusan Universiti (Naib Canselor)

(i) Penangguhan kuliah :

Keputusan rasmi penangguhan kuliah akan dikeluarkan apabila bacaan IPU melebihi “250”

(ii) Penutupan operasi Kampus :

Keputusan rasmi penutupan operasi kampus akan dikeluarkan apabila bacaan IPU melebihi “300”

5.0 KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

5.1 Prosedur Tetap Operasi (S.O.P) Pengurusan Bencana Jerebu ini berkuatkuasa di Universiti Malaysia Pahang semasa negara dilanda bencana jerebu.

Proses Kerja Pengurusan Bencana Jerebu di Universiti Malaysia Pahang.

Petunjuk	Tanggungjawab	Tindakan
Info berkenaan bencana jerebu dikeluarkan Pihak Berkuasa negara	Wakil JKBB (OSHMO)	Menyemak bacaan IPU kawasan Kuantan dan Pekan di laman web rasmi Jabatan Alam Sekitar
IPU menjangkau "100"	JKBB	Mengaktifkan jawatankuasa dan memulakan gerak kerja hebahan terkini info jerebu kepada pelajar dan staf
IPU melebihi "100"	Warga UMP (Pelajar dan Staf)	Dinasihatkan menghadkan aktiviti aktif atau luar bangunan. Dapatkan rawatan jika berlaku simptom-simptom alahan, batuk, selsema, bersin, sesak nafas, sakit mata atau lemah badan.
IPU melebihi "150"	Warga UMP (Pelajar dan Staf)	Semua aktiviti luar perlu dihentikan. Semua aktiviti luar perlu menggunakan alat perlindungan pernafasan yang diluluskan.
IPU melebihi "250" (berterusan selama 48 jam)	Warga UMP (Pelajar dan Staf)	Semua aktiviti kuliah dan aktiviti melibatkan perkumpulan orang ramai ditangguhkan.
	Pengurusan Universiti (Naib Canselor)	Keputusan Rasmi penangguhan kuliah dikeluarkan oleh Naib Canselor.
IPU melebihi "300"	Warga UMP (Pelajar dan Staf)	Operasi kampus DITUTUP kepada semua staf dan pelajar kecuali staf keselamatan dan kesihatan sahaja
	Pengurusan Universiti (Naib Canselor)	Keputusan Rasmi penutupan operasi dikeluarkan oleh Naib Canselor.

Carta Alir Pengurusan Bencana Jerebu Di Universiti Malaysia Pahang

